

**Najib tak akan hadir perhimpunan agung MCA
Malaysiakini.com
Mac 5, 2010**

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tidak akan menghadiri perhimpunan agung tahunan (AGM) MCA Ahad ini.

Setiausaha akhbarinya, Tengku Sharifuddin Tengku Ahmad memberitahu *Malaysiakini* malam ini bahawa perdana menteri tidak akan merasmikan AGM parti itu yang akan berlangsung di ibu pejabat MCA di ibunegara Ahad ini.

Mengikut tradisinya, perdana menteri dijemput merasmikan perhimpunan agung tahunan parti-parti komponen BN.

Keputusan untuk meneruskan AGM itu Ahad ini dibantah oleh sayap Pemuda dan Wanita MCA serta naib presidennya, Datuk Seri Liow Tiang Lai. Tengahari tadi, jawatankuasa pusat sementara - dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Presidennya, Datuk Seri Ong Tee Keat - mahu AGM itu diteruskan seperti yang dirancang, walaupun dibantah keras oleh ketua Pemuda, Datuk Wee Ka Siong dan Ketua Wanitanya, Datin Paduka Chew Mei Fun.

Kedua-duanya kemudiannya bertindak meninggalkan mesyuarat tersebut.

Pagi tadi, Kedua-dua sayap tersebut telah mengadakan mesyuarat exco tergepar untuk membatalkan AGM masing-masing yang dijadualkan diadakan esok.

Jawatankuasa pusat sementara itu - tanpa 21 anggotanya yang meletak jawatan semalam - memutuskan untuk meneruskan AGM Ahad ini dan mengarahkan Pemuda dan Wanitanya turut berbuat demikian.

Dipercayai Chua dan Liow mahu AGM itu ditangguhkan dan diadakan ketika pemilihan baru kepimpinan parti itu pada 28 Mac depan.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/125810>